

21 FEB 1997

GENTING SKYWAY AKAN DIHUBUNGAN DENGAN LRT, KLIA & PELABUHAN BARAT

GENTING HIGHLANDS, 21 Feb (Bernama) -- Resorts World Bhd yang sudah menyiapkan fasa pertama sistem kereta kabel mono Genting Skyway merancang untuk menghubungkan stesen Gohtong Jaya yang terletak di pertengahan laluan ke pusat peranginan Genting Highlands di sini dengan sistem LRT Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang dan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang.

Kemudahan yang terdapat di stesen Gohtong Jaya dibina berpandukan kepada rancangan tersebut, kata pengerusi Resorts World, Tan Sri Lim Goh Tong pada majlis pelancaran sistem kereta kabel mono yang terpanjang di Asia Tenggara itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Ucapan Lim dibaca oleh pengarah urusan Resorts World, T.K. Lim.

Lim yang mencetuskan idea mengenai pembinaan sistem kereta kabel sepanjang 3.38 kilometer itu berkata sistem berkenaan dijangka mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas di laluan ke pusat peranginan berkenaan.

Menurut beliau kereta kabel yang terdapat di pusat peranginan itu mampu membawa 2,000 penumpang sejam dengan setiap gondola mampu membawa lapan penumpang. Setiap perjalanan mengambil masa kira-kira 11 minit. -- BERNAMA

DAB DIN/sia